

BN cuma pilih calon bersih

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR: Parti komponen Barisan Nasional (BN) bertanggungjawab 'menapis' betul-betul setiap calon yang dipilih untuk bertanding dalam pilihanraya umum akan datang supaya benar-benar bebas daripada perbuatan jenayah, rasuah dan muflis, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN menegaskan, BN mahu setiap calonnya mempunyai rekod yang 'bersih' bagi mengelakkan calon pembangkang mengemukakan sebarang tuduhan yang boleh menjejaskan pencalonan wakil BN.

"Nanti, pada hari penamaan calon, ada orang yang mengemukakan tuduhan bahawa calon kita muflis, rasuah atau terbabat dengan perbuatan jenayah, mungkin calon kita tidak dapat bertanding dan calon lain akan menang.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab parti untuk menentukan calonnya 'bersih' dan boleh bertanding," katanya sewaktu menjawab soalan pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tiga jam Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau sudah mula menerima dan meneliti senarai nama calon yang dicadangkan oleh perhubungan Umno negeri bagi pilihan raya umum akan datang.

"Bagaimanapun, senarai itu tidak semestinya diterima tanpa pindaan. Kita akan mengkaji nama-nama yang dihantar itu," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, jika calon Hamim dan Berjasa masih di dalam BN, beliau yakin kawasan itu akan dikembalikan kepada mereka.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan tidak akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menghalang calon menggunakan isu tertentu dalam pilihanraya umum akan datang.

Bagaimanapun, katanya, tindakan biasa akan diambil jika seseorang itu mula berkempen untuk menimbulkan kekerasan yang bertujuan menjatuhkan kerajaan.

Mengenai mesyuarat MT, beliau menyifatkannya sebagai perbincangan umum yang menyentuh soal berkaitan pilihanraya, krisis Teluk, termasuk sikap parti lawan yang sentiasa meramalkan tarikh pilihanraya, sejak 1987 lagi.

"Kita berpendapat bahawa yang perlu kita lakukan ialah membuat persediaan yang berterusan. Dalam hal ini, saya akan akan memulakan siri lawatan ketiga serta lawatan ke Sabah dan Sarawak sekembali dari Korea Selatan. Saya sudah memberitahu semua Ketua Perhubungan Negeri untuk mengumpulkan kumpulan yang perlu ditemui," katanya.

Menurutnya, beliau memutuskan untuk tidak menghadiri sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York bulan depan "dan mungkin menghantar Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar sebagai ganti" bagi membolehkannya mengikuti perkembangan dalam negara secara dekat menjelang pilihanraya.

Beliau berkata, timbalannya, Encik Ghafar Baba, menteri, menteri besar, ketua menteri dan pemimpin parti komponen yang lain juga akan menemui kumpulan sasaran itu dalam lawatan yang berasingan.